Malaysia disaran jadi pusat Islam di Asia dan Pasifik

PADA 20 Oktober 1975, akhbar *Utusan Malaysia* melaporkan Timbalan Menteri Perhubungan, Datuk Wan Kadir Ismail mengesyorkan supaya Malaysia bergiat aktif untuk menjadi pusat perkembangan, pembangunan dan pengajaran Islam di rantau Asia Tenggara dan Pasifik.

Kaum intelek di negara ini boleh memberikan sumbangan besar untuk mencapai matlamat tersebut.

Keupayaan Malaysia sebagai pusat perkembangan seperti itu akan menjadikan negara ini tumpuan seluruh negara.

Tugu di Ipoh: Apa kata mereka

Tidak ada ladang milik orang Melayu di Melaka — Ghani

Malaysia disyor Jadi pusat Islam di Asia dan Pasifik

TONIK CAP GAJAH

2 lagi petua kesihatan dari Glaxo

ANTARA PERISTIWA LAIN YANG MENARIK

20 Oktober 1974
Kerajaan Thailand hari ini menderma 25 guni beras berharga RM2,000 kepada 12 keluarga mangsa kebakaran di Rantau Panjang, Kelantan.

20 Oktober 1982
Universiti Pertanian Malaysia (UPM) kini boleh menganugerahkan gelaran Profesor Emeritus bagi mana-mana profesornya bagi mengiktiraf kesarjanaan cemerlang dan perkhidmatan gemilang kepada universiti.

20 Oktober 1983
Majlis Daerah Mersing yang kekurangan wang untuk menjelaskan bayaran bekalan elektrik menyebabkan penduduk bandar itu dan kawasan sekitarnya bergelap setiap malam.

Dapatkan maklumat lanjut di Pusat Maklumat dan Arkib Media Mulia Sdn Bhd. Untuk pertanyaan atau pembelian bahan-bahan arkib sila hubungi kami di 03-74556428 atau emel *infocenter@mediamulia.com.my*